




# MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA) NEGERI MELAKA

PEJABAT MARA NEGERI MELAKA  
TKT. 4&5, PLAZA USAHAWAN  
JALAN HANG TUAH, 75300 MELAKA

NO. TEL: 06-283 6914  
06-283 5418  
NO. FAX: 06-283 0409

**BORANG TRANSMISI FAX**

Sekiranya jumlah dokumen yang diterima tidak mencukupi sila hubungi pihak kami dengan segera.



Kepada: <b>PEGAWAI PELAJARAN DAERAH JASIN</b>	Daripada <b>Jaafar Bin Hitam</b>
Pegawai Berkenaan ;	Jawatan <b>Pegawai Latihan &amp; Kerjaya MARA Melaka</b>
No. Tel : No. Faks : <b>06 - 52 91037.</b>	Perkara / No. Rujukan <b>PROGRAM BANTUAN KHAS TINGKATAN 1 MRSM 2010</b>
<input checked="" type="checkbox"/> <b>SEGERA</b>  UNTUK MAKLUMAT  SILA JAWAP  LAIN-LAIN	Tarikh Hantar Dokumen <b>16/11/2009</b>  Bil Maka Sarat Termasuk Maka Hadapan: <b>4 M.S</b>

Pesanan / Catatan /

Mohon kerjasama pihak tuan dalam perkara ini.

Untuk makluman, iklan permohonan kemasukan ke MRSM telah diiklankan pada 15/11/2009 (Mingguan Malaysia) dan 16/11/2009 (Berita Harian) dikepilkan bersama-sama ini.

Sekian, terima kasih...

Berk Tindakan/Makluman/Perhatian	
KU P. Sakeloh	UPS Unit Hem 17/11/09 Dipaparkan ke pejabat.
KU P. Akademik	
KU P. Kemanusiaan	
KU P. Islam/Moral	
KU Pem. Bekalan	
KU Maklumat/ICT	
Peg. Kaunseling	
KU Kewangan	
KU Perk. Tadbiran	
No. P. H.	



JALAN HANG TUAH  
MELAKA

06-2832325 (terus)  
Faks : 06-2830409

BII. MARA: 193/11-7 Kit. 3(4)

**PEGAWAI PELAJARAN DAERAH  
PEJABAT PELAJARAN DAERAH JASIN  
77000 JASIN  
MELAKA.**

Tarikh : 16 November 2009

Tuan,

**MOHON BANTUAN PIHAK SEKOLAH UNTUK MENCALONKAN PELAJAR YANG LAYAK  
UNTUK PROGRAM BANTUAN KHAS (PBK) TINGKATAN 1 MRSM TAHUN 2010.**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

Adalah dimaklumkan bahawa MARA akan melaksanakan Program Bantuan Khas (PBK) Tingkatan 1 MRSM 2010 sepertimana biasa tahun lepas.

Sehubungan dengan itu, kami memohon kerjasama tuan untuk memaklumkan program berkenaan kepada pihak sekolah di daerah tuan bagi mendapatkan senarai pelajar yang layak.

Untuk makluman tuan calon-calon mestilah memenuhi syarat-syarat seperti berikut:-

- i. Mendapat gred **minimum 3A 2B** (A dalam Matematik dan Sains) dalam UPSR 2009.
- ii. Pendapatan keluarga mestilah **kurang daripada RM 850.00 sebulan.**
- iii. **Bilangan tanggungan keluarga termasuk ibu dan bapa adalah 5 orang keatas** (anak yang sudah bekerja tidak termasuk di bawah tanggungan (ibu bapa)

Bersama-sama ini dilampirkan borang pencalonan PBK untuk tindakan pihak tuan dan diharapkan dapat pihak sekolah mengfakskan kepada kami pelajar yang layak sahaja selewat-lewatnya **sebelum 25 November 2009** untuk tindakan susulan kami selanjutnya.

Kerjasama yang diberikan didahului ribuan terima kasih.

**BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"  
"CEMERLANG, GEMILANG, TERBILANG"**

  
**AZHAR BIN ABDUL MANAF**  
Pengarah MARA Negeri  
Melaka.

Sk : Pengarah Pelajaran Negeri Melaka

## PROGRAM BANTUAN KHAS (PBK) KEMASUKKAN KE TINGKATAN 1 MRSM TAHUN 2010

Nama Sekolah / Cop Sekolah : \_\_\_\_\_

No.Telefon Sekolah : \_\_\_\_\_ No.Faks : \_\_\_\_\_

Nama Guru Besar / Guru/Pegawai Yang Boleh Dihubungi : \_\_\_\_\_

Bil	Nama Pelajar	Alamat Rumah (Tempat Tinggal)	Keputusan UPSR	Pekerjaan		Pendapatan		Jumlah Tanggungan (Anak)	No. Telefon (Ibu.bapa)
				(Bapa)	(Ibu)	(Bapa) RM	(Ibu) RM		

- Nota :**
- i. Hanya calon-calon yang mendapat sekurang-kurangnya 3A 2B atau 4A 1B atau 5A dengan syarat mendapat A dalam subjek sains dan Matematik UPSR 2010 yang akan dipertimbangkan.
  - ii. Pendapatan keluarga (ibu & bapa) mestilah kurang daripada RM 850.00 sebulan.
  - iii. Bilangan tanggungan keluarga termasuk ibu dan bapa adalah minimum 5 orang keatas (anak yang sudah bekerja tidak termasuk di bawah tanggungan (ibu bapa)
  - iv. Tempat adalah terhad. SILA CALONKAN PELAJAR YANG LAYAK SAHAJA JIKA TIADA CALON YANG LAYAK DIPERTIMBANGKAN SILA FAXKAN JUGA BORANG INI UNTUK REKOD KAMI. TERIMA KASIH

**(NO. FAX : 06-2830409 : U/P : UNIT LATIHAN & KERJAYA MARA NEGERI MELAKA)**



# MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)

(Agensi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah)

## PERMOHONAN KEMASUKAN KE MAKTAB RENDAH SAINS MARA TINGKATAN SATU TAHUN 2010 SEMENANJUNG MALAYSIA

MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA) mempelawa pelajar TAHUN ENAM 2009 untuk kemasukan ke Maktab Rendah Sains MARA tingkatan satu pada tahun 2010 di Semenanjung Malaysia.

Pada tahun 2010, MARA akan membuat pengambilan pelajar tingkatan 1 bagi mengikuti program MRSM (Agama) Ulul Albab yang akan dilaksanakan di MRSM Kota Putra dan MRSM Gemencheh. Sistem pendidikan MRSM (Agama) ini merangkumi Pengajian Al-Quran (Hafazan), Bahasa Arab dan bahasa-bahasa lain seperti Bahasa Mandarin dan Bahasa Jepun selain subjek teras seperti yang sedia ada di MRSM.

### 1. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

#### • SYARAT-SYARAT KELAYAKAN MASUK KE MRSM:

- Warganegara Malaysia.
- Permohonan ini terbuka kepada pelajar yang bersekolah di Semenanjung Malaysia:
  - Bumiputera tahun enam.
  - Bukan Bumiputera tahun enam yang sedang menuntut di Sekolah Kebangsaan atau Sekolah Rendah Kebangsaan.
- Permohonan hendaklah memperolehi keputusan 5A dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) tahun 2009.

#### • SYARAT-SYARAT KELAYAKAN MASUK KE MRSM (AGAMA) ULUL ALBAB:

- Warganegara Malaysia.
- Permohonan ini terbuka kepada pelajar yang bersekolah di Semenanjung Malaysia:
  - Bumiputera tahun enam yang sedang menuntut di Sekolah Kebangsaan atau Sekolah Rendah Agama Negeri atau Sekolah Rendah Agama Rakyat.
- Pemohon hendaklah memperolehi keputusan 5A dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) tahun 2009.
- Berkebolehan membaca Al-Quran dengan baik dan mempunyai minat dalam bidang agama.
- Pemohon mestilah memilih MRSM Kota Putra atau MRSM Gemencheh sebagai pilihan pertama semasa mengisi borang permohonan secara online.
- Pemohon ke MRSM (Agama) akan ditemuduga.

### 2. CARA MEMOHON SECARA ONLINE

- Pemohon boleh mendapatkan nombor pin dengan percuma di semua Pejabat MARA Negeri, Pejabat MARA Daerah atau Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) yang berdekatan pada waktu pejabat bermula pada hari keputusan UPSR 2009 diumumkan secara rasmi.
- Pemohon hendaklah membawa salinan Surat Beranak serta salinan Keputusan UPSR 2009 yang telah disahkan semasa mendapatkan nombor pin.
- Pemohon mestilah mengisi semua maklumat yang diperlukan di dalam borang permohonan online dan memastikan borang tersebut dihantar secara online. Untuk maklumat lanjut sila layari laman web MARA di alamat:

<http://www.mara.gov.my>

- Pemohon mestilah menghantar cetakan borang serta dokumen yang berkaitan ke alamat di bawah:

(Permohonan Ke Tingkatan 1)  
Pegarah,  
Bahagian Pendidikan dan Latihan (Menengah),  
Tingkat 19, Ibu Pejabat MARA,  
21, Jalan Raja Laut, 50609 KUALA LUMPUR.

### 3. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

- Tarikh akhir permohonan secara online ialah pada 30 November 2009.
- Tarikh akhir menghantar cetakan borang dan dokumen yang berkaitan ialah selewat-lewatnya pada 3 Disember 2009.

### 4. NOTA PENTING

- Hanya permohonan yang memenuhi syarat kelayakan sahaja akan dipertimbangkan.
- Permohonan yang tidak lengkap atau lewat diterima daripada tarikh tutup akan ditolak.
- Selain syarat kelayakan, keutamaan akan diberikan kepada calon seperti yang berikut:
  - Bergiat aktif dalam bidang kepimpinan, sukan dan permainan, kelab dan persatuan serta pasukan pakaian seragam.
  - Berasal daripada keluarga berpendapatan rendah dari sekolah pedalaman, luar bandar atau kawasan bandar yang meliputi kawasan setinggan atau kawasan daif.
- Pemohon yang ditawarkan ke Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) Kementerian Pelajaran tidak akan ditawarkan ke MRSM.
- Pemohon yang berjaya sahaja akan dihubungi. Sekiranya pemohon tidak menerima sebarang jawapan sehingga 30 April 2010 permohonan anda dianggap tidak berjaya.
- Pemohon yang berjaya akan ditempatkan di MRSM yang bersesuaian mengikut kriteria yang telah ditetapkan oleh MARA.
- Keputusan Jawatankuasa Tertinggi Pengambilan Pelajar MRSM adalah muktamad.

CAWANGAN HAL ETJUAL PELAJAR  
BAHAGIAN PENDIDIKAN DAN LATIHAN (MENENGAH), MARA.